

22/11/1997

PBB kutuk resolusi Ahli Kongres

KUCHING, Jumaat - Pergerakan Pemuda Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) mengutuk sekeras-kerasnya draf resolusi Ahli Kongres Amerika Syarikat dan menganggap ia wajar ditarik balik demi menghormati sistem demokrasi antarabangsa serta dasar berbaik-baik Malaysia dengan semua pihak di dunia.

Pemuda PBB juga mengutuk usaha Amerika Syarikat yang cuba campurtangan dengan urusan peniagaan Petronas di Iran, sambil menyifatkan ia sebagai bukan sahaja melanggar konsep peniagaan bebas, malah campurtangan secara langsung dalam urusan serta pentadbiran sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Perkara berkenaan adalah antara intipati Memorandum pergerakan itu yang sudah dihantar kepada Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Abdul Aziz Shamsudin, sebagai tanda sokongan padu pergerakan itu kepada pucuk pimpinan negara.

Memorandum berkenaan ditandatangani Ketua Pergerakan Pemuda PBB, Datuk Celestine Ujang anak Jilan; Timbalannya, Awang Tengah Ali Hasan dan Setiausaha Agungnya, Awang Bemee Awang Ali Basah.

Bercakap kepada sidang akhbar di sini, Ujang berkata, dua intipati utama memorandum berkenaan ialah mengutuk draf usul Ahli Konges Amerika serta memberi sokongan padu kepada Dr Mahathir.

Beliau berkata, Pemuda PBB menganggap tindakan Robert Wexler dari Parti Demokrat, Florida, mengemukakan usul agar Perdana Menteri meminta maaf atau meletak jawatan berhubung isu anti Amerika dan anti Yahudi yang telah disalah tafsir serta dibesar-besarkan adalah keterlaluan, melampau dan tidak wajar.

"Kata dua yang terkandung dalam draf resolusi yang disokong oleh 34 anggota Kongress dan telah diedar di kalangan anggota Dewan untuk dibincang itu mempunyai niat tidak baik terhadap pemimpin sebuah negara merdeka dan menafikan hak demokrasi," katanya.

Ujang berkata, Pemuda PBB ingin menyampaikan sokongan padu tanpa berbelah bagi terhadap Dr Mahathir.

(END)